



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PENGIRAN DATO SERI PADUKA
HAJI MOHAMMAD TASHIM BIN PENGIRAN HAJI HASSAN
MENTERI HAL EHWAL UGAMA**

**DI MAJLIS
SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1448
PERINGKAT NEGARA**

**HARI SABTU
18 MUHARRAM 1448H / 04 JULAI 2026M**

**BERTEMPAT,
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، وبه نستعين على امور الدنيا والدين،

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

وَبَعْدُ

Mengadap Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Ampun Beribu Ampun,

1. Dengan penuh hormat dan ta'zim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili
 - sekalian ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam 1448 Hijrah ; dan
 - Pengendali bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara ini, iaitu
 - o Kementerian Kewangan
 - o Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan
 - o Bank Baiduri Sendirian Berhad,

Dengan penuh rasa kesyukuran ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala sukacita merafa'kan sembah menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara pada pagi ini, dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah dan menyempurnakan pengurniaan anugerah Ilal Hijrah 1448.

2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini adalah suatu penghormatan yang amat besar lagi bermakna, serta menjadi pendorong dalam menjayakan usaha memperkukuhkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.
3. Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian dengan penuh rasa syukur medoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik berserta Kerabat Diraja sentiasa dalam rahmat kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kebahagiaan yang berkekalan, berada di bawah inayah dan perlindungan-Nya.

Ampun Beribu Ampun,

4. Disembahkan bahawa, negara menyambut Awal Tahun Hijrah adalah sebagai memperingati peristiwa hijrah Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah.
5. Peristiwa agung itu bukan sekadar catatan sejarah, bahkan suatu manhaj pembinaan umat: daripada tekanan kepada keteguhan, daripada perpecahan kepada perpaduan, daripada ketakutan kepada keyakinan, dan daripada kelemahan kepada kekuatan yang dipandu oleh iman, ilmu, sabar, tawakal dan ketaatan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.
6. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah An-Nahl ayat 41 hingga 42:

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنَبْوِتْنَهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ۖ وَلَا جُزْءَ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

الَّذِينَ صَبَرُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Terjemahannya:

Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianiaya (ditindas oleh musuh-musuh Islam), Kami tentu akan menempatkan mereka di dunia ini pada tempat yang baik (Madinah). Dan sesungguhnya pahala akhirat adalah lebih besar kalau mereka mengetahui. (Iaitu) orang-orang yang bersabar dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal.

7. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyembahkan bahawa Sambutan Ilal Hijrah 1448 mengangkat tema **“Hijrah Penyelamat Aqidah”**. Tema ini amat tepat dan segar dengan keperluan semasa. Jika pada zaman Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam hijrah menjadi jalan menyelamatkan iman dan tauhid daripada penindasan serta ancaman, maka pada hari ini hijrah penyelamat aqidah ialah usaha berterusan untuk memelihara kesucian pegangan aqidah Ahli Sunnah wal Jama’ah, memperkukuh jati diri Islam serta membimbing generasi agar tetap teguh berpegang kepada ugama di tengah-tengah cabaran pemikiran dan arus globalisasi.
8. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lainnya serta pihak-pihak yang berkepentingan terus beriltizam dan komited dalam mengukuh dan menyuburkan kefahaman aqidah yang sahih melalui pelaksanaan inisiatif-insiatif yang tersusun dan inklusif yang menyasarkan kepada setiap peringkat masyarakat misalnya program 'Tanbih Wa Tahsin' dan Program 'al-Wa'yu yang dilaksanakan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah. Program-program ini bermatlamat bagi meningkatkan kefahaman mengenai kesalahan dan penyelewangan akidah melalui ajaran-ajaran sesat serta kefahaman ekstrem dan

penggunaan yang sangat bertentangan dengan amalan hidup beragama di negara ini. Dalam pada itu, antara usaha yang paling signifikan dalam memastikan pemeliharaan aqidah dalam kalangan masyarakat dapat terus diperkukuhkan dan dimantapkan adalah dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Ugama Secara Formal sejak sekian lama di samping pemantauan Tauliah Mengajar yang dilaksanakan melalui Majlis Ugama Islam Brunei.

9. Alhamdulillah, negara kita terus menikmati keamanan dan keharmonian di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik yang sentiasa memberikan penekanan terhadap pemeliharaan aqidah, syiar Islam, perpaduan rakyat dan pembangunan negara yang seimbang antara kemajuan duniawi dan ukhrawi.

Ampun Beribu Ampun,

10. Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 pada hari ini, in sya-Allah turut diserikan dengan pengurniaan Anugerah Ilal Hijrah 1448. Anugerah ini adalah suatu pengiktirafan negara kepada individu, organisasi dan institusi yang telah menabur jasa bakti cemerlang dalam memperkukuh syiar Islam, memartabatkan ilmu, membimbing masyarakat, memperkukuh institusi masjid, menyantuni golongan yang memerlukan, serta menggerakkan amal kebajikan, yang semuanya demi maslahat ummah.
11. Penganugerahan ini mencerminkan hasrat negara untuk terus mengangkat ketokohan, keikhlasan, integriti, kepimpinan dan sumbangan, yang memberi impak nyata kepada ugama, bangsa dan negara.

12. Semoga pengiktirafan ini menjadi inspirasi kepada seluruh masyarakat, khususnya generasi muda, untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam. Iaitu dengan berhijrah daripada sekadar berkhidmat kepada memberi impak; daripada bekerja secara rutin kepada menyumbang dengan amanah, ilmu, hikmah dan istiqamah; serta daripada hanya memberi manfaat secara individu kepada memberi maslahat ummah yang lebih luas.
13. Maka dengan semangat “Hijrah Penyelamat Aqidah”, semoga Negara Brunei Darussalam terus dilimpahi rahmat, keamanan dan keberkatan Allah Subhanahu wa Ta’ala, serta kekal menjadi sebuah Negara Zikir yang aman, makmur dan sentiasa berada di bawah lindungan dan petunjukNya.

Ampun Beribu Ampun,

14. Demikianlah disembahkan.
15. Sebelum Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan, sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.

16. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menjunjung perkenan bagi Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, menyembahkan sembah junjung kasih di atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda dan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik :

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisura
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah
- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah

17. Seterusnya menyembahkan ucapan junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

18. Dan merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.
- Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, iaitu Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri.
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya.
- Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat negara sahabat.
- Dhaif-Dhaif yang dihormati.
- Para hadirin – hadirat yang terdiri dari Pegawai-Pegawai dan kakitangan kerajaan, pasukan-pasukan beruniform, Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, Sektor Swasta, Persatuan-Persatuan, Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs), Ahli-Ahli Takmir Masjid keempat-empat daerah, yang berbahagia sekalian.

19. Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkapkannya serta menjayakan majlis pada pagi ini.

20. Semoga segala amal soleh dan khidmat bakti kita semua diterima Allah Subhanahu wa Ta'ala, dinilai sebagai amal yang tinggi di sisi-Nya, serta dikurniakan ganjaran pahala, keampunan dan keredaan-Nya. Amin ya Rabbal 'Alamiin
21. Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun bagi sebarang susun sembah dan suruk langkah yang tiada majalis dalam Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara pada pagi ini.
22. Sekian

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ وَالْهُدَايَةِ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

23. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha

- Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pg Hj Hassan
Menteri Hal Ehwal Ugama
Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
04 Julai 2026